PADA 9 Jun lalu genaplah 100 hari pemerintahan **Tan Sri Muhyiddin Yassin** sebagai Perdana Menteri Malaysia. Beliau menggalas tanggungjawab paling besar sejak 1 Mac lalu di saat negara dilanda penularan pandemik Covid-19 dan krisis ekonomi.

Oleh **DEEL ANJER**
anjerwilayahku@gmail.com

Selebriti popular kagumi jiwa rakyat Perdana Menteri

Perdana Menteri bijak – Baby Shima

PENYANYI dan pelakon **Baby Shima** menganggap bukan mudah untuk seorang pemimpin menangani wabak Covid-19.

"Wabak Covid-19 bukan sahaja menguji negara kita, malah seluruh dunia merasai kesannya yang bukan biasa-biasa. Malah ada negara yang 'terduduk' seolah-olah mengalah dengan apa yang berlaku.

"Namun saya bangga dengan Perdana Menteri kita yang bijak menangani virus ini sekali gus membuktikan kemampuannya sebagai Perdana Menteri.

"Saya tahu tidak mudah untuk mengatur strategi dalam berhadapan cabaran besar ini. Kebijaksanaan beliau dan seluruh pemimpin dalam kerajaan 'mengusir' virus ini sangatlah hebat sehingga mendapat pujian dari negara luar," ujarnya yang turut mempunyai pes masakan sendiri serta kedai makan di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Kurang berpolitik – Hanez Suraya

PELAKON cantik **Hanez Suraya** cukup mengagumi Perdana Menteri kerana cara beliau yang kurang menekankan politik tetapi lebih banyak memfokuskan kepada kepentingan rakyat.

"Apa yang saya lihat, Perdana Menteri kurang berpolitik sebaliknya lebih menumpukan kepentingan rakyat.

"Lihat sahaja, kesungguhan beliau dalam menangani wabak Covid-19 yang mencetuskan panik dalam kalangan rakyat dulu. Bukan mudah sebenarnya, tapi beliau boleh buat rakyat tersenyum sekarang. Bangga saya!

"Bukan itu sahaja, selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kita berhadapan pula dengan masalah ekonomi.

"Belum habis 'penat' fikir pasal Covid-19, beliau terus fokus menumpukan lebih banyak usaha dan masa dalam mendepani cabaran ekonomi negara," ujar Hanez.

Katanya lagi, apabila sering memikirkan kepentingan rakyat, maka itulah yang menyumbang kepada kestabilan negara.

"Kita semua jalankanlah tugas sebagai rakyat yang mematuhi segala arahan kerajaan. Bukan untuk orang lain, tapi untuk kita juga," ujarnya kepada *Wilayahku*.



Wilayahku
26/6/2020
m/s: 16

Keprihatinan terserlah – Izzue Islam

PELAKON Izzue Islam menyifatkan Perdana Menteri seorang yang sangat prihatin walaupun agak besar cabaran yang dihadapi.

"Sudah tentu saya berbangga dengan Perdana Menteri kita yang berhadapan dengan dugaan yang sangat mencabar di awal beliau menyandang jawapan sebagai ketua kerajaan.

"Selain kehebatan beliau mengatur strategi bersama para menteri lain, keprihatinan beliau juga terserlah apabila sentiasa memikirkan kesusahan rakyat setelah menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," ujarnya.

Tambah Izzue lagi, selain banyak strategi ekonomi yang dilaksanakan, dia tertarik dengan Pakej Prihatin Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

"Pakej ini sangat membantu sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) agar dapat meneruskan operasi mereka dan dalam masa yang sama mengurangkan risiko pengangguran dalam kalangan masyarakat setempat," katanya.

Berusaha pulih ekonomi – Eyka Farhana

BAGI pelakon **Eyka Farhana** pula, cabaran berhadapan krisis ekonomi akibat penularan wabak Covid-19 tidak melemahkan semangat Perdana Menteri untuk terus melangkah.

"Tidak dinafikan, krisis ekonomi negara semakin membimbangkan apabila kerajaan membuat keputusan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Kami dalam industri seni juga terjejas ketika itu, malah kebanyakan sektor pekerjaan turut terganggu apabila banyak syarikat atau kilang tutup.

"Namun Perdana Menteri kita tidak berdiam diri malah terus berusaha memulihkan ekonomi negara," luahnya.

Katanya lagi, kebijaksanaan beliau terbukti dengan perlantikan pakar ekonomi untuk mengetuai Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk menangani kemelesetan ekonomi yang semakin merisaukan semua rakyat. WK